

24/04/1997

Memantapkan keupayaan hadapi alaf multimedia

Kamal Ahmad

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerap menyentuh soal maruah, kesedaran, keinsafan, perjuangan dan cabaran orang Melayu kesan selepas 500 tahun dijajah Portugis, Belanda dan British.

Hanya dengan menginsafi sejarah, seseorang tidak akan leka dan hilang pedoman.

"Zaman dulu sebelum merdeka, kita percaya kita tidak mungkin maju tapi hari ini kita tahu kita mempunyai potensi dan kebolehan untuk mencapai kemajuan sama seperti orang lain.

"Kita boleh maju kalau kita berminat dan sanggup bekerja keras untuk berjaya. Yang penting ialah kita insaf bahawa dahulu kita daripada kelompok yang tidak berjaya tetapi dengan usaha kita sendiri, kita sudah mencapai kejayaan. Dengan kesedaran ini, kita mungkin dapat menghadapi cabaran masa depan dengan hati yang lebih tenang. Dan saya yakin, kita boleh mencapai kejayaan ...," katanya.

Ungkapan Perdana Menteri itu, ketika melancarkan Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera yang berlangsung pada 16-27 April 1997, wajar direnung dan diinsafi. Siapakah yang perlu sedar dan insaf? Apakah tindakan seterusnya sebagai satu pernyataan kepada kesedaran dan keinsafan itu?

Namun, apakah semua pendukung syarikat, korporat, profesional, birokrat dan seluruh orang Melayu insaf bagaimana bangsa mereka berupaya menduduki kerusi kejayaan itu?

Hari ini, usahawan Bumiputera menguasai 11 bidang industri utama iaitu automotif dan pengangkutan udara, hartanah, kewangan, lapangan terbang, pendidikan, penerbangan, perladangan, perkapalan, petroleum, telekomunikasi, tenaga dan laluan ekspres.

Pada masa yang sama, Melayu mengalami hakisan identiti, adat budaya dan ancaman pada iman serta akidahnya.

Budaya hedonisme menular sehingga berlaku wabak Aids, seks bebas, hilang hormat kepada orang tua, individualisme dan lupa asal-usul serta tidak merancang masa depan.

Untuk memastikan segala-galanya tidak padam dan terkulai, orang Melayu perlu menubuhkan institusi yang bertanggungjawab khusus memastikan generasi muda tidak melupakan sejarah, kepahitan, dan kejerihan ketika menjadi bangsa yang dijajah.

Institusi itu bebas daripada pengaruh dan bau politik tetapi menekankan soal kewujudan dan kesinambungan satu bangsa yang kian cemerlang daripada ancaman kealpaan dan tenggelam dalam keangkuhan kerana kecemerlangan itu.

Ia berperanan menganjur perkumpulan daripada kalangan Melayu yang berpengaruh dan mewakili segenap peringkat dan sektor untuk menjana idea, pandangan dan rancangan yang mampu mempengaruhi kerajaan dalam perkara yang membabitkan dasar dan kepentingan strategik orang Melayu.

Korporat menghulur sumbangan untuk membiayai program yang mampu menjana dan membakar semangat, kesedaran dan keinsafan orang Melayu berterusan. Satu dana atau tabung amanah boleh ditubuhkan untuk menampung sumbangan dan wang berkenaan diurus secara profesional, manakala kalangan cerdik pandai dan profesional pula mencambahkan idea.

Semua memainkan peranan masing-masing dengan penuh kesedaran dan keinsafan demi survival orang Melayu masa depan. Orang Melayu perlu ada institusi 'hardcore' dan tidak akan berkompromi dalam soal keutuhan bangsanya.

Jika tidak, orang Melayu akan bertindak tanpa satu pelan induk atau

wawasan bangsa tanpa membayangi dasar kerajaan. Kita wajar ada pelan induk bangsa Melayu selain menyertai program melalui dasar pro-Melayu yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Paling tidak, penubuhan Institut Umno perlu dipercepat, manakala struktur organisasinya disusun rapi dan teliti jika tujuannya untuk membantu gerakan reformasi parti dan orang Melayu.

Orang Melayu tidak perlu menunggu lebih lama untuk melakar pelan induk survival bangsanya sedangkan tindakan itu sudah sekian lama dilaksanakan oleh bangsa lain di seluruh dunia. Bangsa itu memerlukan satu wawasan yang akan dilaksanakan oleh kepemimpinan yang dipilih.

Kita bersyukur kerana kerajaan mampu menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan disusuli Dasar Pembangunan Negara (DPN) untuk memastikan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi sekurang-kurangnya 30 peratus daripada ekonomi negara.

Tetapi apabila disebut soal survival, institusi khusus perlu ditubuhkan bagi merancang pembangunan insan Melayu. Hanya pembangunan insan yang akan menentukan survival keseluruhan bangsa itu.

Pembangunan sosioekonomi hanya satu komponen kejayaan sesuatu bangsa tetapi pengabaian pembangunan insan akan menghancurkan keseluruhan bangsa itu.

Pembangunan insan perlu dirancang supaya jiwa Melayu kalis halangan dan cabaran.

Permuafakatan berkenaan walaupun dilabel sebagai `rahsia' tetapi sebenarnya ia adalah `rahsia yang terbuka' (open secret). Kita tahu bagaimana arkitek politik dan konglomerat Yahudi mencaturkan dunia melalui satu pelan induk.

Kita tahu permuafakatan konglomerat China di luar republik itu yang menguasai ekonomi Asia. Kita juga tahu penyatuan bangsa Jerman serta muslihat di sebalik penyatuan Eropah, penubuhan blok perdagangan, politik dan ketenteraan di seluruh dunia.

Tetapi kita tidak tahu apakah kedudukan permuafakatan Melayu Antarabangsa yang diselenggarakan oleh Badan Perhubungan Umno Selangor. Apakah susulan selepas Perhimpunan Melayu Antarabangsa itu. Di manakah direktori usahawan Melayu antarabangsa?

Pada asasnya, kita bersyukur kerana ada usaha menyatukan Melayu di seluruh jagat raya tetapi ia perlu ada kesungguhan politik dan tolakan semangat kebangsaan.

Pada peringkat dalam negara, perlu ada struktur yang sama bagi merangka kepentingan dan strategik orang Melayu.

Kita tidak kekurangan pakar dalam semua bidang. Kita boleh menggunakan kesungguhan politik dengan sokongan kewangan daripada korporat Melayu untuk memastikan institusi itu bergerak.

Dr Mahathir secara jujur dan terus terang berkata, kejayaan orang Melayu hari ini sangat luar biasa, menghairankan dan di luar jangkaan serta rancangan. Ini bermakna orang Melayu memiliki kekuatan dan kebolehan tersendiri jika mereka ada kesedaran, kesungguhan, kemahuan, peluang dan wawasan untuk bangsanya.

"Kadang-kadang kejayaan ini di luar daripada jangkaan sehingga kita sendiri hairan dengannya. Tetapi hakikatnya ialah kita mempunyai kebolehan untuk mencapai kejayaan dan kita bukan harus bertepuk dada dengan kejayaan ini tetapi kita harus ingat mengenai usaha ini sebagai satu usaha yang boleh dibuat, bukan sesuatu yang tidak boleh diharapkan langsung," katanya.

Sesungguhnya, orang Melayu perlu ada satu pelan induk untuk menghadapi alaf multimedia yang terbukti mempunyai terlalu banyak cabaran fizikal, mental dan rohaniah.

Pelan berkenaan perlu dibentuk bagi memastikan bangsa Melayu mampu

menangani masalah yang dihadapi dan mengambil bahagian secara aktif dalam semua bidang pada alaf itu.

Walaupun kerajaan ada caranya tersendiri untuk memastikan orang Melayu tidak ketinggalan dan terjajah sekali lagi kerana tidak ada sebarang persiapan dan kekuatan, institusi yang mencerna wawasan dan survival Melayu itu boleh memantapkan lagi keupayaan bangsa itu melalui zaman multimedia.

(END)